

Petani di Perlis digalakkan ganti tanaman bukan komersial dengan mempelam

Harumanis kini umpama 'emas'

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM
dan AMMAR JAZLAN MAD LELA
berita@kosmo.com.my

KANGAR - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggalakkan para petani di Perlis menggantikan tanaman bukan komersial dengan mempelam harumanis yang kini berharga seumpama 'emas'.

Beliau berkata, permintaan luar biasa termasuk dari luar negara sehingga orang yang mengidam merasai harumanis tidak berpeluang menikmatinya adalah faktor tambahan tanaman itu perlu dikembangkan.

"Walaupun ramai merungut harga harumanis terlalu mahal sehingga mencecah RM35 satu kilogram namun pengeluarannya belum dapat menampung permintaan dalam dan luar negara.

"Hari ini saya menggalakkan pemilik tanah di Perlis menggantikan tanaman mereka yang bukan komersial dengan harumanis," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja di Pusat Pertanian Bukit Bintang, Sungai Batu Pahat dekat sini semalam.



ISMAIL SABRI (kiri) mendengar penjelasan mengenai gred mempelam harumanis oleh Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Zulkefli Amin Jusoh (kanan) ketika melawat Pusat Pertanian Bukit Bintang, Sungai Batu Pahat, Kangar semalam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Ahmad Zakaria.

Menurut Ismail Sabri, kementerian itu melalui Jabatan Pertanian akan memberi segala bantuan termasuk benih, baja serta khidmat nasihat dan latihan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan 300 hektar kawasan baharu ditanam dengan haruma-

nis oleh individu dan 107 hektar lagi oleh Jabatan Pertanian pada tahun ini bagi menambah keluasan sedia ada seluas 978 hektar," katanya.

Ismail Sabri berkata, pengeluaran harumanis Perlis tahun ini dijangka mencecah 2,200 metrik tan bernilai kira-kira RM32 juta, iaitu peningkatan memberangsangkan sejak 2011. Lima tahun lalu penge-

luarannya berjumlah 375 metrik tan dengan nilai RM2.8 juta.

Harumanis diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai klon MA128 dan ditanam di Perlis sejak tahun 1980.

Pusat Pertanian Bukit Bintang dibangunkan sebagai pusat teknologi harumanis bermula daripada pengeluaran, penuaian dan pemasaran serta dijadikan pusat rujukan peserta Program Pembangunan Kluster Tanaman Harumanis Perlis.

Sementara itu di Alor Setar, Kedah, Ismail Sabri memberitahu, kementeriannya telah memperuntukkan RM40 juta untuk membina semula dan menaik taraf kira-kira 200 pasar nelayan di seluruh negara.

Katanya, setakat ini, sebanyak 48 pasar nelayan sudah siap dibina semula dan dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan bagi memudahkan nelayan menjalankan perniagaan.

"Kira-kira 50 buah lagi sedang dibina semula dan dinaik taraf... ia dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini," katanya semasa meninjau Pasar Nelayan Kampung Nelayan Seberang Kota di Kuala Kedah semalam.

Pembinaan semula dan menaik taraf itu, yang dianggarkan RM200,000 setiap satu, bertujuan memudahkan nelayan menjual hasil tangkapan mereka tanpa orang tengah.